

Hujan 3 jam, KL banjir

Masalah sejak lima tahun lalu mendesak warga kota meminta DBKL, JPS mengkaji kelemahan sistem perparitan

Oleh Rozdan Mazalan

KUALA LUMPUR: Bosan dengan masalah banjir yang tidak berkesudahan, warga kota yang menjadi mangsa bencana itu Khamis lalu, meminta agensi berkaitan khususnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengkaji segera kelemahan sistem pengairan dan perparitan di ibu negara.

Walaupun hujan lebat yang melanda bandar raya hanya selama tiga jam, namun ia menyebabkan sebahagian kawasan rendah ditenggelami air sehingga mengakibatkan kerugian besar dari segi kemusnahan harta benda.

Kawasan yang teruk dilanda banjir kali ini adalah Kampung Thambipillay di Jalan Klang Lama, Jalan Peel berdekatan Bulatan Kampung Pandan, Institut Jantung Negara (IJN) di Jalan Tun Razak dan Jalan TUDM di Sungai Besi.

Dalam kejadian itu, kawasan berkenaan dinaiki air melebihi dua meter, menyebabkan beratus-ratus kenderaan yang diletakkan di kawasan itu ditenggelami air yang mengakibatkan kerugian ribuan ringgit kepada pemiliknya.

Tinjauan selepas banjir yang dilakukan *Berita Harian* mendapati, kebanyakan warga kota khususnya penduduk dan peniaga di kawasan Kampung Thambipillay di Jalan Klang Lama, sibuk mengemas barang dan membersihkan

lumpur yang memasuki rumah mereka.

Malah, ada yang terpaksa mengambil cuti kecemasan kerana banyak barang mereka, termasuk pakaian rosak akibat kejadian itu.

Banjir kilat yang melanda bandar raya kelmarin berpunca daripada limpahan Sungai Kerayong dan Sungai Klang.

Seorang penduduk, Rosman Norbai, 21, berkata kejadian yang dialami kelmarin bukanlah yang pertama dan ia adalah masalah yang sering melanda mereka sejak lima tahun dulu.

"Bagaimanapun, banjir yang berlaku minggu lalu adalah yang paling buruk dan air naik terlalu cepat sehingga menyebabkan kesemua perkakasan rumah ditenggelami air," katanya.

Katanya, pihak berkuasa tempatan terutama DBKL perlu mengambil tindakan sewajarnya dengan memperbesarkan kawasan takungan sedia ada bagi menjamin kejadian yang sama tidak berulang.

Kakitangan swasta, R Alagapan, 51, mendakwa banjir kilat yang berlaku di kampungnya adalah disebabkan projek menaikkan taraf jalan di kawasan berkenaan yang mana ia menyebabkan sistem perparitan tersumbat.

"Selain itu, mendapan sungai berikutan kelodak yang dialirkan menyebabkan sungai menjadi cetek", katanya.

Beliau berkata, DBKL dan JPS sepatutnya sudah berjaya mengatasi masalah banjir kilat di kawasan itu.



TAK TAHAN: Penduduk membersihkan peralatan rumah selepas banjir minggu lalu.